

# MLG Newsletter

(Malaysian Medical Librarian Group)

Issue 1 : 2005

<http://202.186.179.2/mlg>

## KANDUNGAN

Lawatan Pustakawan MLG ke Bangkok	1
Aktiviti tahun 2004	2
Sekitar Perpustakaan : Perpustakaan Institut Rajabhat Suan Dusit	3
Berita Perpustakaan	4



Advisor :  
Maimunah Kadir

Editor-In-Chief :  
Puan Nik zakiah Bik  
zainal,

Graphics / Layout :  
Norbaizura Haji Malek

## LAPORAN RINGKAS LAWATAN SAMBIL BELAJAR KE BANGKOK, THAILAND ( 15 - 19 SEPTEMBER 2004 )



*Chulalongkorn Medical Library*

Bangkok atau dikenali sebagai “ City of Angels ” adalah destinasi pilihan Kumpulan Pustakawan Perubatan Malaysia kali ini. Sambil meylam sambil minum air, begitulah rancangan Kumpulan kami di sini di mana seramai 33 orang pustakawan termasuk beberapa wakil daripada Access Dunia telah menghadiri persidangan “Online Information and Education 2004 ” di Bangkok. Di samping itu lawatan sambil belajar ke 4 buah Perpustakaan telah diadakan iaitu Perpustakaan Perubatan Universiti Thammasat, Perpustakaan Perubatan Universiti Chulalongkorn, Hospital Siriraj dan sebuah Institusi Swasta iaitu Perpustakaan Institut Rajabhat Suan Dusit yang terletak ditengah-tengah Kota Bangkok.

Beberapa tempat menarik turut dilawati seperti Royal Grand Palace, Jim Thomson Thai Silk Factory, Gems Gallery International Manufacturer, World Trade Shopping Center, Suan Lum Night Market dan Chatuchak Market merupakan acara selingan yang menyeronokkan.



*Bergambar kenangan di Thammasat Medical Library*



*Di hadapan Gems Gallery International manufacturer, kilang pengeluar batu permata dan berlian termasyhur di dunia*

*sambungan di muka 2.....*

## OUR MISSION

*The Malaysian medical librarian group promotes excellence and leadership of health information professional through education, communication and resource sharing by utilizing information systems and services, cooperation and networking among member libraries in support of informed health care decision making.*

## AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2004

*Sepanjang tahun 2004, MLG telah berjaya melaksanakan beberapa aktiviti seperti yang telah dirancang. Antara aktiviti yang berjaya dilaksanakan adalah :*

### *1) Mesyuarat*

- i) Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pustakawan Perubatan Bil 1/2004 pada 22 April 2004 bertempat di Bilik Mesyuarat , Blok C, Fakulti Sains Kesihatan UiTM.*
- ii) Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pustakawan Perubatan Bil 2/2004 pada 27 September 2004 bertempat di Bilik Mesyuarat , Perpustakaan HKL.*
- iii) Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pustakawan Perubatan Bil 3/2004 pada 20 Disember 2004 bertempat di Bilik Mesyuarat Permata Budi, Institut Pengurusan Kesihatan (IPK)*

### *2) Demo dan Latihan produk*

- i) Demonstrasi produk oleh Syarikat Access Dunia pada 22 April 2004 di Fakulti Sains Kesihatan UiTM.*
- ii) Demonstrasi produk oleh Syarikat Swets Information Services pada 20 Disember 2004 di Institut Pengurusan Kesihatan ( IPK )*

### *3) Lawatan Akademik*

- i) Lawatan Akademik ke Bangkok, Thailand pada 14 - 19 Disember 2004 yang diatur oleh Syarikat Access Dunia di mana ahli-ahli telah berpeluang untuk mengikuti Seminar on Online Information & Education Conference dan juga lawatan ke Perpustakaan Perubatan di sekitar Bangkok.*

### *4) Jamuan Perpisahan*

*Jamuan Perpisahan sempena persaraan Puan Miskiah, Ketua Pustakawan Universiti Perubatan Antarabangsa (IMU) pada 22 April yang diadakan di Hotel Hilton, Petaling Jaya.*

### *5) Pelancaran Direktori Perpustakaan Perubatan & Kesihatan*

*Pelancaran Direktori Perpustakaan Perubatan & Kesihatan Malaysia di mana pelancaran telah dibuat semasa mesyuarat agung PPM pada 24 April 2004 di Perpustakaan Negara Malaysia.*

*dari muka 1.....*

**Persidangan dan bengkel antarabangsa ini sangat berfaedah kerana ia membincangkan isu perpustakaan sebagai penerbitan elektronik dan e-pembelajaran era masa kini. Persidangan ini adalah kolaborasi antara Access Dunia dan I-Group, Thailand. manakala lawatan ke Perpustakaan-perpustakaan di Bangkok, antara Perpustakaan termaju di Asia ( di samping Singapore ) memberi idea dan gambaran kepada kami tentang perkembangan Perpustakaan di Thailand dan acara selingan pula memberi faedah tiga dalam satu. Dari Jim Thomson Thai Silk yang mempamerkan produk hasil dari sutera yang kreatif dan sangat bermutu tinggi, kami terpaksa mengucapkan selamat tinggal kerana perlu kembali ke tanah air, Malaysia.**



*Bergambar beramai-ramai di hadapan Perpustakaan Perubatan Universiti Chulalongkorn*

## SEKITAR PERPUSTAKAAN

### PERPUSTAKAAN INSTITUT RAJABHAT SUAN DUSIT KREATIF, CANGGIH DAN LENGKAP

Lawatan ke Perpustakaan Rajabhat, sebuah institusi swasta merupakan lawatan mengejut, singkat tetapi cukup memberi kesan. Sesampainya kami di sana kami disambut oleh 'tuan rumah' iaitu Ketua Pustakawan yang manis, mesra dan bergaya dengan pakaian ala ke disko. Itulah Dr. Panni yang merupakan salah seorang daripada penceramah dalam persidangan "Online Information & Education 2004" pada hari pembukaan persidangan tersebut.

Keunikan perpustakaan ini adalah berdasarkan kepada kreativiti dan beberapa ciri-ciri menarik serta sumber kewangan yang kukuh yang dapat membantu menjadikan perpustakaan ini serba lengkap dan canggih. Kami telah dibawa melawat ke beberapa lokasi menarik dalam Perpustakaan. Apa yang tidak stereotaip yang kami lihat adalah ruang pameran buku baru dihias indah seperti pasaraya yang mempamerkan produk baru 'new arrival'. Ada sudut tertentu yang terasa seolah-olah berada di dalam situasi rumah kerana kerana hiasan langsir dan penggunaan sette yang cukup menarik.



Ruang komputer untuk pengguna

Terdapat 2 zon iaitu 'office zone' yang dilengkapi dengan komputer pelbagai guna untuk kakitangan dan 'cyber zone room' untuk pengguna, juga dilengkapi dengan komputer dan kerusi yang mempunyai berbagai rekabentuk.



Tersenyum sanbil menilmati keindahan dan keunikan Perpustakaan Rajabhat Suan Dusit

Perpustakaan ini juga mempunyai kafeterianya sendiri di mana ianya memeberi pendapatan sampingan kepada Perpustakaan ini. Perpustakaan juga dilengkapi dengan bilik belajar untuk pensyarah, 'post-graduate' dan 'self study' untuk pembaca yang dilengkapi dengan komputer, bilik latihan IT dan bilik penyelidikan dan pembangunan.



Ruang komputer menempatkan di antara 700 unit komputer yang disewa

## BERITA PERPUSTAKAAN / PUSTAKAWAN

### KENAIKAN PANGKAT / PERTUKARAN

1. Puan Siti Rodziah, Ketua Pustakawan dari Institut Penyelidikan Perubatan telah bertukar ke Perpustakaan Negara Malaysia dan dinaikkan pangkat sebagai pengarah Bahagian Maklumat Umum pada 15 Disember 2004.
2. Paun Faizah Mohd Zain telah dinaikkan pangkat sebagai Ketua Perpustakaan Perubatan UKM Kampus Kuala Lumpur mulai 30 Disember 2004.
3. Puan Faizah Abdul Aziz telah bertukar ke Perpustakaan Yayasan Institut Jantung Negara (IJN) dan dinaikkan pangkat sebagai Pengurus Yayasan tersebut. Tempat beliau di Perpustakaan IJN telah digantikan oleh Cik Hasliza

### PERPINDAHAN PERPUSTAKAAN KKM

Perpustakaan Ibu Pejabat , Kementerian Kesihatan Malaysia di Jalan Cenderasari telah berpindah ke Putrajaya, Presint 1 , Blok E7 mulai 6 Disember 2004.

*sambungan dari muka 2 .....*

Terdapat 700 unit komputer yang disewa dan diselenggara setiap masa oleh Syarikat yang dilantik. Menurut Dr. Panni, tidak rugi menyewa kerana kos keseluruhannya adalah sama juga dengan kos membeli komputer walaupun dalam jangka masa panjang.

Disamping itu, kami juga dibawa melawat ke beberapa studio seperti “ sound studio “ , ‘ photo studio ’ , ‘ editing studio ’ , dan ‘SD Television Studio’ yang memaparkan ‘on-air’ jika penggambaran sedang keudara.

Akhir sekali , kami ke Grand Ballroom( masih dalam Perpustakaan) yang dikatakan tercantik di Thailand. Ia dapat memuatkan seramai 80 orang dalam satu masa. Perpustakaan mana di Malayisa yang lengkap dan canggih seperti ini ?



*Sempat bergambar di dalam studio di Perpustakaan Institut Rahabhat Suan Dusit*